



**TALKING POINTS**

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI ABANG ABDUL WAHAP BIN HAJI ABANG JULAI**

**DATUK BANDAR KUCHING UTARA**

**MAJLIS PENYERAHAN MONUMEN KUCING**

**29 MEI 2015 (JUMAAT)**

**3:00 PETANG**

**FOYER, DBKU, IBU PEJABAT DBKU, KUCHING**

---

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis...

Bismillahirrahmanirrahim.....

Yang Berusaha Dr. Saadiah Haji Abdul Samat

Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara

Yang Berusaha Encik Ian Lee

Pengurus Kanan Weida (M) Bhd

Yang Berusaha Encik Bernard Yong Hua Boon

Pengurus Besar ZHA Environmental Sdn. Bhd.

Pegawai-Pegawai Kanan DBKU

Para Pegawai dari Weida (M) Bhd dan ZHA Environmental Sdn. Bhd

Rakan Media serta

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam 1 DBKU....

Alhamdulillah syukur dirafakkan kehadrat Illahi kerana di atas izinNya maka kita dapat bersama-sama hadir pada petang ini ke Majlis Penyerahan Monumen Kucing.

Sebagai pembuka bicara saya pada petang ini, pertama sekali, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada para pegawai kanan dan juga warga kerja dari Weida (M) Bhd dan juga ZHA Environmental Sdn. Bhd.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seperti yang kita semua sedia maklum, tujuan majlis pada petang ini diadakan adalah untuk kami menerima sebuah Monumen Kucing daripada pihak ZHA Environmental Sdn. Bhd.

Untuk itu, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak ZHA Environmental Sdn. Bhd. kerana telah menghasilkan sebuah Monumen Kucing yang sangat comel ini dan seterusnya menyerahkannya kepada kami di Dewan Bandaraya Kuching Utara untuk dipamerkan kepada para pelawat yang berkunjung kemari.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Monumen Kucing setinggi 170cm dan lebar 80cm ini telah dibina dari bahan kitar semula iaitu tayar kenderaan terpakai yang telah dikumpulkan daripada seluruh bandar raya di Negeri Sarawak. Tayar kenderaan terpakai tersebut kemudiannya telah dikitar semula oleh pihak ZHA Environmental Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat/ kontraktor yang telah dilesenkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Syarikat ZHA Environmental Sdn. Bhd. ini juga telah dipertanggungjawabkan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Oleh itu, dalam usaha mereka memelihara dan juga memulihara alam sekitar, mereka telah hadir dengan satu cetusan idea yang sangat bernes iaitu dengan mengitar semula tayar kenderaan terpakai dan kemudiannya menghasilkan sebuah Monumen Kucing.

Saya telah dimaklumkan bahawa setakat ini, ZHA Environmental Sdn. Bhd. telah berjaya mengitar semula lebih kurang 1.7 juta keping tayar kenderaan terpakai. Usaha kitar semula tersebut sekaligus telah membantu mengurangkan kes pembakaran tayar yang boleh menyumbangkan kepada berlakunya pencemaran udara.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada ZHA Environmental Sdn. Bhd. di atas usaha yang amat bermakna ini. Pada pendapat saya, idea untuk menghasilkan Monumen Kucing ini adalah sangat bernes dan bermanfaat. Selain daripada berupaya untuk memelihara dan memelihara alam sekitar, sebuah Monumen Kucing yang sangat comel juga telah berjaya dihasilkan. Penghasilan Monumen Kucing ini juga merupakan idea kitar semula yang sangat kreatif dan artistik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Usaha untuk memelihara dan memelihara alam sekitar merupakan tanggungjawab kita bersama. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru agar lebih ramai agensi, organisasi dan juga warga Bandaraya Kuching untuk tampil kehadapan dan membantu kami di dalam usaha untuk memelihara dan memelihara alam sekitar.

Sebelum mengundur diri, pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Weida (M) Bhd dan juga ZHA Environmental Sdn. Bhd. di atas penyerahan Monumen Kucing ini kepada kami. Semoga kerjasama baik yang telah terjalin di antara kita tidak terhenti di sini sahaja, diharap jalinan mesra yang telah kita bina ini menjadi ruang dan peluang untuk kita melaksanakan projek penjagaan alam sekitar yang seterusnya.

Terima kasih juga saya ucapkan kerana telah membantu kami dalam usaha untuk memperkasakan Pelan Penambahbaikan Bandaraya Kuching 2013 – 2017 iaitu untuk menjadikan Bandaraya Kuching sebagai sebuah bandar raya yang Cantik, Bersih dan Selamat dan popular di Rantau Asia menjelang tahun 2017.

Sekian....

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....